

# Hutang jadi liabiliti kepada ekonomi?

## SAUDARA PENGARANG,

**BERMULA** 2009, rekod hutang Kerajaan Persekutuan melangkaui paras melebihi 50 peratus Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dan tahun lepas, paras hutang negara dilihat seolah-olah tidak menyusut apabila mencatat sebanyak 54.3 peratus KDNK.

Walaupun paras hutang negara masih berada di bawah siling 55 peratus KDNK, wujud kebimbangan dalam kalangan rakyat tentang tadbir urus fiskal negara. Persoalannya, adakah hutang negara tinggi baik untuk pertumbuhan ekonomi?

Kajian dilakukan penyelidik Universiti Putra Malaysia mendapati ekonomi cenderung tumbuh lebih pantas jika kadar hutang kepada KDNK di bawah paras 41.9 peratus, manakala ekonomi dianggap masih tumbuh biarpun perlahan pada paras hutang antara 42 hingga 54.7 peratus, dan paras seterusnya berpotensi memberi kesan negatif.

Sementara itu, hubungan antara paras hutang dan pertumbuhan ekonomi pula dipengaruhi gelagat tadbir urus

hutang negara, justeru tidak menjadi kesulitan jika hutang negara melebihi tahap siling asalkan hutang tersebut diuruskan secara efisien dan produktif.

Kadar hutang hanya akan menjadi liabiliti kepada sesebuah negara jika hutang itu dibelanjakan kepada aktiviti ekonomi tidak strategik dan seterusnya memberi kesan kepada pertumbuhan KDNK.

Mengapa tadbir urus hutang negara sangat penting kepada rakyat? Hal ini kerana lebih daripada 90 peratus daripada hutang negara diperoleh daripada sumber dalaman. Jadi ia bermakna secara tidak langsung hutang tersebut dibiayai oleh rakyat.

Kerajaan perlu memastikan setiap ringgit Malaysia yang dibelanjakan akan memberi manfaat maksimum kepada rakyat. Jika disandarkan kepada konsep *golden rule*, kerajaan perlu memastikan sebahagian besar atau keseluruhan hutang itu digunakan untuk membiayai perbelanjaan pembangunan yang produktif.

Perlu diingatkan, pengurangan cukai hari ini bermaksud peningkatan cukai

di masa hadapan. Perbelanjaan pembangunan yang produktif memberi pulangan di masa hadapan dan seterusnya memberi manfaat kepada generasi berikutnya. Tentu kita tidak mahu generasi akan datang menyalahkan kita kerana tadbir urus fiskal yang lemah.

Berikut adalah beberapa saranan untuk memastikan tadbir urus hutang efisien dan produktif. Pertama, perbelanjaan perlu disasarkan kepada sektor ekonomi yang mempunyai kesan pengganda nilai tambah tinggi, dan kedua, perbelanjaan perlu terarah kepada usaha untuk mempelbagaikan aktiviti ekonomi yang kompetitif.

Ketiga, kerajaan perlu mempergiat aktiviti eksport yang mempunyai kandungan import rendah, dan paling penting, ketelusan di dalam tadbir urus perbelanjaan negara. Setiap perbelanjaan yang dibuat kerajaan perlu kepada pertimbangan umum kerana rakyat secara tidak langsung membiayai hutang negara.

**DR. MOHD. YUSOF SAARI**

Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, UPM